



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

Department Of Veterinary Services

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2

No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4

62630 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000

Faks : 603-8888 6021

E-mel : pro@dvs.gov.my

Laman Web : www.dvs.gov.my

KENYATAAN MEDIA

PENJELASAN BERKENAAN PENULISAN TULAR TENTANG STATUS HALAL MAKANAN TERNAKAN

PUTRAJAYA - Merujuk kepada satu penulisan tular melalui *WhatsApp* berkaitan status halal makanan ternakan untuk ayam yang ditulis oleh Dr. Saari. Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) ingin memberi maklum balas berhubung perkara tersebut.

Untuk makluman, ianya merupakan isu tahun 2007 dan pernah dijawab oleh JAKIM bersama DVS pada 20 Jun 2016 yang lalu.

DVS ingin menegaskan bahawa aktiviti pengilangan makanan ternakan ayam adalah tertakluk kepada Akta Makanan Haiwan 2009 yang mengawal selia kualiti makanan haiwan dengan mengawal pengimportan, pembuatan, penjualan dan penggunaan makanan haiwan serta bahan tambahan makanan haiwan, untuk memastikan bahawa makanan haiwan memenuhi keperluan nutrien bagi haiwan, tidak memudaratkan haiwan dan tidak tercemar supaya haiwan dan keluaran haiwan selamat untuk dimakan oleh manusia dan selamat untuk kegunaan lain dan bagi perkara-perkara lain yang bersampingan dengannya.

Kandungan bahan mentah untuk makanan ayam komersial terdiri dari majoritinya ialah jagung bijian (55%) dan *soya bean meal* (25%). Jagung bijian membekalkan sumber tenaga (kalori) manakala *soya bean meal* membekalkan sumber protein untuk memastikan tumbesaran ayam sempurna. Selebihnya adalah 15% terdiri dari lain-lain bahan seperti vitamin, *mineral*, *fish meal*, *wheat bran*, *wheat pollard* dan *corn gluten meal* serta baki 5% adalah terdiri dari *palm oil* atau beras hancur.

Sumber protein dari bahan haiwan seperti *blood meal* dan *meat bone meal* digunakan dalam *trace amount* sebagai pengganti sumber protein sekiranya kualiti makanan ternakan rendah. Sekiranya ditambah di dalam makanan ternakan, ia melibatkan peningkatan kepada kos pengeluaran makanan tersebut kerana sumber *blood meal* dan *bone meal* adalah diimport dan memerlukan kelulusan daripada DVS bagi memastikan kualiti dan sumber bahan *blood meal* atau *bone meal* tersebut mematuhi piawaian keselamatan makanan yang ditetapkan.

Berkaitan penggunaan bahan terlarang seperti antibiotik *nitrofurans* atau bahan kimia, ia dikawalselia di bawah Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Antibiotik, Hormon dan Bahan Kimia Lain Terlarang) 2012.

Persijilan logo halal JAKIM adalah berfokus kepada pensijilan halal bagi makanan manusia serta tidak mencakupi skop makanan ternakan. Justeru, logo halal JAKIM tidak boleh digunakan pada label makanan haiwan seperti dakwaan Dr. Saari.

DVS berharap dengan penjelasan ini, penulisan tulisan tersebut dihentikan sebarannya memandangkan penulis tiada asas dalam dakwaannya serta menurut semakan dengan Majlis Veterinar Malaysia (MVC), Dr. Saari ini tiada mempunyai perakuan amalan tahunan semasa.

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
2 JUN 2023**